

Dr. M bidas pemulau majlis kenduri

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



DR. MAHATHIR

ALOR SETAR, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad, membidas setengah-setengah guru dan pemimpin agama yang memulaukan majlis kenduri dan sosial anjuran rakyat yang berlainan fahaman politik.

Malah, katanya di antara mereka yang telah memulaukan upacara sembahyang mayat semata-mata kerana si mati dan keluarganya tidak sehaluan fahaman politik dengan mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir mendedahkan kejadian itu dalam perjumpaan dengan para penyokong Barisan Nasional dan pengundi di Itanang Tanah Feida Batu 8, 34 batu dari sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri kesal kerana pemulauan itu berlaku walaupun pilihanraya telah berlalu.

Tindakan seperti itu, kata beliau, akan hanya memecahbelahkan perpaduan ma-

syarakat Islam dan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Beliau mengingatkan bahawa Islam menyeru penganut-penganutnya berusaha menyatu-padukan rakyat termasuk orang-orang yang bukan beragama Islam.

Beliau menyeru umat Islam supaya berhati-hati terhadap orang-orang dari parti pembangkang yang cuba mempengaruhi mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Menurut beliau, orang-orang seperti itu lebih membahaya dari Komunis. Komunis tidak mudah mempengaruhi orang-orang Islam kerana ideologi mereka yang bertentangan dengan ajaran Islam dapat ditolak bulat-bulat oleh umat Islam.

Sebaliknya, guru-guru dan pemimpin-pemimpin agama, tambahnya, lebih berkenaan mempengaruhi umat Islam.

Sementara itu, di KUALA LUMPUR: Sultan Kedah telah berkenan menjadi pe-

naung Persatuan Murid-murid Tua Maktab Sultan Abdul Hamid Alor Setar, Kedah (Kuala Lumpur dan selangor).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, bersetuju menjadi Presiden persatuan itu. Demikian diumumkan di mesyuarat tahunan persatuan itu yang juga telah membentuk sebuah jawatankuasa pengurusan yang baru.

Pengerusi Tribunal Perkhidmatan Awam, Hakim Datuk Abdul Hamid Omar telah dilantik sebagai Pengerusi dan Datuk Ahmad Nordin bin Haji Mohamed Zain sebagai Naib-Pengerusi.

Setiausaha persatuan itu ialah Syed Khadri Aljaffree, Bendahari Dr. Cheah Hoon Lai dan Penolong Setiausaha, Encik Tan Joo Long.

Ahli-ahli jawatankuasa pengurusan ialah Encik Hanafiah Hussain, Professor Datuk Awang Had Salleh, Encik Tan Teng Hoon, Syed Ahmad Idd dan Encik Hassan Ali. — Bernama.